



اَوْنَبُوْ رَسِيْتِي تَيْكُوْلُو كَيْي مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN DINAMIK

## **Institut Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (IRMI)**

Universiti Teknologi MARA  
Aras 3, Bangunan Wawasan  
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia  
Tel : (+603) 5544 8281/8278/8255/8252  
Faks : (+603) 5544 8280



Institute of Research Management  
& Innovation

Communities of Research



## SENARAI KANDUNGAN

<b>KANDUNGAN</b>	<b>M/S</b>
Visi Dan Misi Universiti Teknologi MARA	3
<b>Geran Penyelidikan Dinamik</b>	
1. Pengenalan	4
2. Objektif	4
3. Syarat Kelayakan Penyelia	4
4. Syarat Kelayakan Pemohon	5
5. Permohonan	5
6. Pemilihan	6
7. Tugas dan Tanggungjawab	6
8. Gaji dan Elaun	7
9. Cukai Pendapatan	7
10. Kemudahan Lain	7
11. Pelantikan dan Pas Penggajian	8
12. Perjanjian	9
13. Petunjuk Prestasi	9
14. Pelantikan Semula	9
15. Penamatan	10

**VISI DAN MISI  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**VISI**

Menjadikan UiTM sebuah universiti unggul yang berteraskan kesarjanaan dan kecemerlangan akademik bagi menerajui dinamisme bumiputera dalam semua bidang profesional bertaraf dunia supaya terlahir graduan yang berdaya saing, global dan beretika.

**MISI**

Mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program profesional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan.

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

## GERAN PENYELIDIKAN DINAMIK

### 1. PENGENALAN

- 1.1. Geran Penyelidikan Pasca Kedoktoran UiTM diperkenalkan untuk menyokong strategi pembangunan profesional akademik sebagai satu inisiatif yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. Geran ini bertujuan untuk menyokong pembangunan karier penyelidik yang berkelulusan Ijazah Kedoktoran (PhD) agar dapat menggalakkan budaya penyelidikan berimpak tinggi dan penerbitan berdasarkan kepakaran masing-masing dikalangan akademik muda. Program ini mula diperkenalkan pada tahun 2002 oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di bawah Program Pembangunan Modal Insan dalam bidang Sains dan Teknologi (S&T) yang ditawarkan oleh Kementerian tersebut.
- 1.2. Selain itu, geran ini menggalakkan penyelidik menjalankan penyelidikan untuk penerokaan ilmu, pembudayaan dan pemeraksanaan penyelidikan yang dinamik dan menggalakkan pembangunan modal insan yang dapat meningkatkan tahap intelektual, penciptaan teknologi baru dan berinovasi serta perkembangan sempadan ilmu selaras dengan aspirasi UiTM dan negara.
- 1.3. Program yang sama juga dibiayai oleh Universiti Teknologi MARA melalui Dana Kecemerlangan Pendidikan UiTM sejak tahun 2006. Bermula tahun 2012, pengendalian pengurusan Pasca Kedoktoran diserahkan kepada RMI, kini IRMI.

### 2. OBJEKTIF

Objektif geran ini adalah bertujuan seperti berikut:

- 2.1. Menjalankan penyelidikan.
- 2.2. Menghasilkan penerbitan akademik.
- 2.3. Membantu penyeliaan pelajar pasca siswazah dan pemindahan pengetahuan.
- 2.4. Menghasilkan kertas cadangan penyelidikan.

### 3. SYARAT KELAYAKAN PENYELIA

Penyelia yang layak menyelia pasca kedoktoran hendaklah mempunyai kriteria berikut:

#### 3.1.1 Impak Penyelidikan

Mempunyai H-indeks (Scopus) > 10 untuk bidang Sains dan Teknologi dan >5 untuk bukan Sains dan Teknologi. Keutamaan akan diberikan kepada calon penyelia daripada Gred 53/54 (Prof Madya) dan ke atas.

#### 3.1.2 Geran Penyelidikan

Mempunyai jumlah geran penyelidikan yang aktif semasa permohonan sekurang-kurangnya **RM100,000** bagi bidang Sains dan Teknologi dan **RM 50,000** bagi bidang bukan Sains dan Teknologi.

### 3.1.3 Penerbitan Berindeks

Menghasilkan 10 hingga 15 penerbitan berindeks dalam tempoh **lima (5) tahun** terkini di mana sekurang-kurangnya 20% daripadanya adalah sebagai Penulis Penghubung (*Corresponding Author*).

Nota : Keserataan penerbitan buku dan bab dalam buku dengan penerbitan berindeks adalah seperti berikut:

- i. Empat (4) penerbitan buku bersamaan dengan satu (1) penerbitan berindeks
- ii. Enam (6) penerbitan bab dalam buku bersamaan dengan satu (1) penerbitan berindeks

### 3.1.4 Pelajar Ijazah Kedoktoran (PhD)

Sekurang-kurangnya dua (2) orang pelajar Ijazah Kedoktoran (penyelia utama) yang telah bergraduat.

## 4. SYARAT KELAYAKAN PEMOHON

- 4.1. Terbuka kepada warganegara Malaysia dan bukan Warganegara.
- 4.2. Memiliki Ijazah PhD dari universiti atau institut penyelidikan dalam atau luar negara yang diiktiraf dan tidak melebihi lima (5) tahun dari tarikh penganugerahan.
- 4.3. Mempunyai **minimum tiga (3) kertas penerbitan berindeks di mana satu (1) daripadanya adalah Q1 atau Q2.**
- 4.4. Memiliki kelayakan kecekapan Bahasa Inggeris (TOEFL minima 600 atau IELTS minima band 6.5) bagi pemohon yang tesis Ijazah Kedoktoran bukan dalam Bahasa Inggeris atau pemohon bukan warganegara.
- 4.5. Mempunyai tahap kesihatan yang baik dan bebas daripada sebarang penyakit berjangkit dan penyakit kronik.
- 4.6. Bebas daripada rekod jenayah.

## 5. PERMOHONAN

- 5.1 Permohonan dibuka sepanjang masa tertakluk kepada peruntukan universiti.
- 5.2 Permohonan hendaklah dihantar dalam tempoh satu (1) bulan sebelum Jawatankuasa Kecil Lantikan Akademia (JKLA) bersidang. Tarikh mesyuarat Jawatankuasa boleh dirujuk kepada pihak urusetia Jawatankuasa atau melalui laman web di <https://hea.uitm.edu.my/v1/>.

5.3 Permohonan hendaklah dibuat oleh penyelia bersama calon PD dan dihantar kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) iaitu fakulti/pusat kecemerlangan dengan mengemukakan dokumen berkaitan:

- 5.3.1 Borang Permohonan Geran Pasca Kedoktoran (Postdoctoral Grant)
- 5.3.2 Satu Salinan Kad Pengenalan/Pasport Antarabangsa
- 5.3.3 Satu keping gambar berukuran pasport
- 5.3.4 Curriculum Vitae
- 5.3.5 Salinan sijil-sijil kelayakan akademik/professional (Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana, Ijazah PhD, surat kelulusan Senat)
- 5.3.6 Sijil TOEFL atau IELTS (bagi pemohon yang tesis Ijazah Kedoktoran bukan dalam Bahasa Inggeris atau pemohon bukan warganegara)
- 5.3.7 Borang Pemeriksaan Perubatan.

5.4 Jawatankuasa Penyelidikan PTJ perlu mempertimbangkan permohonan. Permohonan yang disokong hendaklah dimajukan kepada Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) dan Institut Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (IRMI) dengan menyertakan surat sokongan dan dokumen yang tersenarai dalam perkara 5.1

## **6. PEMILIHAN**

- 6.1 Pemilihan calon akan diperakukan oleh Jawatankuasa Kecil Lantikan Akademia (JKLA) sekiranya disahkan oleh IRMI berdasarkan peruntukan kewangan semasa.
- 6.2 Permohonan yang telah diperakukan oleh Jawatankuasa Kecil Lantikan Akademia (JKLA), akan dibawa untuk kelulusan Senat sebelum surat tawaran dikeluarkan oleh BHEA.

## **7. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

- 7.1 Penyelidik Pasca Kedoktoran (Postdoctoral - PD) adalah bertanggungjawab kepada penyelia dan Ketua PTJ bagi menjalankan skop kerja berikut:
  - 7.1.1 Menjalankan penyelidikan dalam projek yang telah dikenalpasti
  - 7.1.2 Menerbitkan artikel jurnal berindeks bersama penyelia dan/atau staf UiTM sebagai Penulis Utama/ Penulis Bersama
  - 7.1.3 Menyediakan kertas cadangan penyelidikan untuk mendapatkan geran baharu
  - 7.1.4 Membantu penyeliaan pelajar Pasca Siswazah
  - 7.1.5 Membantu dalam pengkomersialan penyelidikan dan perlindungan harta intelek
  - 7.1.6 Membantu mendapatkan jaringan kerjasama penyelidikan dengan pihak luar
  - 7.1.7 Penganjuran seminar/ konferensi/ bengkel dan sebagainya.
- 7.2 Tugas dan tanggungjawab PD adalah mengikut petunjuk prestasi semasa yang telah ditetapkan (Lampiran A).
- 7.3 Tugas PD adalah sepenuh masa dan tidak dibenarkan membuat kerja lain serta memegang apa-apa tugas atau kerja luar tanpa kelulusan Ketua PTJ supaya PD menumpukan sepenuh masa dalam tugas penyelidikan.

- 7.4 PD dikehendaki menyerahkan maklumat, penemuan dan hasilan penyelidikan dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak universiti kepada PTJ sebagaimana yang dinyatakan dalam Perjanjian Kerahsiaan (Non-Disclosure Agreement).
- 7.5 Semua hasil penerbitan PD hendaklah dimasukkan nama Universiti Teknologi MARA sebagai afiliasi dan diterbitkan bersama penyelia. Hasil penyelidikan adalah menjadi hak mutlak universiti.
- 7.6 PD hendaklah merekodkan kehadiran ke tempat kerja mengikut masa yang telah ditetapkan oleh penyelia melalui sistem yang diguna pakai. Jika PD tidak dapat hadir bertugas atas sebab-sebab peribadi atau kesihatan, PD perlu mengemukakan sebab yang kukuh bagi ketidakhadiran bertugas kepada penyelia.

## **8. GAJI DAN ELAUN**

- 8.1 PD akan menerima pembiayaan seperti berikut:
  - 8.1.1 Gaji sebanyak RM5,000.00 (Lima Ribu Ringgit Malaysia) setiap bulan.
  - 8.1.2 Elaun perumahan sebanyak RM700.00 (Tujuh Ratus Ringgit Malaysia) setiap bulan.
- 8.2 Semua PD adalah tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 dan PD warganegara Malaysia adalah tertakluk kepada Akta KWSP 1951.
- 8.3 Pembiayaan adalah melalui peruntukan Dalaman UiTM atau tajaan luar.
- 8.4 Pembiayaan melalui tajaan luar adalah tertakluk kepada syarat dan peraturan penaja.

## **9. CUKAI PENDAPATAN**

- 9.1 Cukai pendapatan dikenakan berdasarkan kepada peruntukan undang-undang dalam Akta Cukai Pendapatan 1967, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN).
- 9.2 Pejabat Bendahari bertanggungjawab dalam urusan membuat potongan cukai berjadual (PCB) pada setiap bulan.
- 9.3 Kadar kenaan cukai tertakluk kepada peraturan semasa LHDN.

## **10. KEMUDAHAN LAIN**

- 10.1 Kemudahan perubatan untuk diri sendiri sahaja di Pusat Kesihatan UiTM / Klinik Panel UiTM / Hospital Kerajaan dengan peruntukan PTJ.
- 10.2 PD layak mendapat cuti sebanyak dua puluh lima (25) hari setahun dan cuti sakit bergaji sebanyak lima belas (15) hari setahun. Walau bagaimanapun, PD tidak layak kemudahan cuti-cuti lain yang diberikan kepada kakitangan biasa universiti, kecuali atas kebenaran khas PTJ.

- 10.3 PD boleh menghadiri seminar/konferensi/kursus yang diadakan di dalam atau luar negara tertakluk kepada peraturan universiti dan kelulusan menggunakan peruntukan geran penyelidikan oleh penaja geran dan penyelia.
- 10.4 PD boleh dipertimbangkan membuat tuntutan perjalanan untuk kerja lapangan atau mana-mana kerja luar yang berkaitan dengan penyelidikan tertakluk kepada peraturan universiti dan kelulusan peruntukan geran penyelidikan oleh penaja dan penyelia mengikut kelayakan Gred DM 51/52.

## 11. PELANTIKAN DAN PAS PENGGAJIAN

- 11.1 Terma pelantikan adalah sepenuh masa dan bertaraf kontrak. Penempatan calon adalah di PTJ yang berkenaan
- 11.2 Tempoh pelantikan pertama adalah selama **dua puluh empat (24) bulan** dan boleh dilantik semula tertakluk kepada Perkara 14 (Pelantikan Semula).
- 11.3 Pelantikan menggunakan wang tajaan luar adalah tertakluk kepada tempoh dan syarat tajaan.
- 11.4 Pelantikan akan terbatal sekiranya calon tidak melapor diri dalam tempoh **enam (6) bulan** dari tarikh surat tawaran.
- 11.5 Surat tawaran dikeluarkan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) kepada calon dengan salinan kepada Ketua PTJ, penyelia, IRMI dan Pendaftar.
- 11.6 Calon yang bersetuju dengan terma pelantikan hendaklah menghantar Surat Penerimaan Lantikan kepada Pejabat TNC (Akademik dan Antarabangsa) dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh surat tawaran. Pihak BHEA perlu menghantar salinan tersebut kepada Ketua PTJ, penyelia, IRMI dan Pendaftar.
- 11.7 PD bukan warganegara adalah tertakluk kepada kelulusan pas pengajian yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. PD perlu mematuhi peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa oleh Jabatan Imigresen Malaysia.
- 11.8 Pihak PTJ perlu membantu PD bukan warganegara menguruskan perolehan pas pengajian daripada Jabatan Imigresen Malaysia dan menghantar salinan dokumen pas pengajian kepada Pejabat Pendaftar, UiTM. Segala perbelanjaan yang berkaitan ditanggung sendiri oleh PD.
- 11.9 PD dikehendaki melapor diri di PTJ dalam tempoh berikut dari tarikh surat tawaran:
- 11.9.1. PD warganegara - dalam tempoh tiga puluh (30) hari.
  - 11.9.2. PD bukan warganegara - dalam tempoh tiga (3) bulan
- 11.10 Tawaran adalah terbatal sekiranya calon tidak melapor diri dalam tempoh yang ditetapkan.
- 11.11 PTJ perlu mengemaskini maklumat pelantikan PD dalam sistem STARS untuk tujuan perolehan nombor pekerja, rekod dan pengajian.



## **12. PERJANJIAN**

- 12.2 Dua (2) salinan dokumen kontrak perjanjian pelantikan sebagai PD yang telah ditandatangani oleh PD dan penyelia, disaksikan oleh ketua PTJ dan dimatikan setem, hendaklah diserahkan semasa melapor diri di PTJ. Segala perbelanjaan adalah ditanggung sendiri oleh PD.
- 12.3 Dua (2) salinan dokumen Perjanjian Kerahsiaan atau 'Non-Disclosure Agreement (NDA)' yang telah ditandatangani oleh PD dan penyelia, disaksikan oleh ketua PTJ dan dimatikan setem, hendaklah diserahkan semasa melapor diri di PTJ. Segala perbelanjaan adalah ditanggung sendiri oleh PD.

## **13. PETUNJUK PRESTASI**

- 13.1 Petunjuk prestasi PD diperincikan dalam Lampiran A.
- 13.2 Laporan petunjuk prestasi hendaklah dilengkapkan melalui sistem IRMIS, UiTM setiap enam (6) bulan oleh penyelia kepada PTJ, dan akan dibentangkan oleh IRMI untuk pelaporan di Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti (JKIPU).
- 13.3 Laporan petunjuk prestasi adalah pengukuran dan penilaian yang digunakan untuk dipertimbangkan kelulusan permohonan pelantikan semula, sekiranya berkaitan.

## **14. PELANTIKAN SEMULA**

- 14.2 Proses permohonan pelantikan semula adalah sebagaimana dalam Perkara 5 (Permohonan) dalam Garis Panduan ini. Permohonan pelantikan semula hendaklah dihantar kepada IRMI dan BHEA sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebelum tamat dengan mengemukakan dokumen berikut:
- 14.2.1 Surat rasmi permohonan daripada PTJ
  - 14.2.2 Satu Salinan Kad Pengenalan/Pasport Antarabangsa
  - 14.2.3 Satu keping gambar berukuran pasport
  - 14.2.4 Curriculum Vitae terkini
  - 14.2.5 Salinan Laporan Prestasi pelantikan terdahulu.
  - 14.2.6 Salinan sijil-sijil kelayakan akademik/professional (Ijazah Kedoktoran dan surat kelulusan Senat)
- 14.3 Permohonan pelantikan semula untuk tempoh setahun (1) boleh dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Kecil Lantikan Akademia, tertakluk kepada :
- 14.3.1 Peruntukan
  - 14.3.2 Pencapaian petunjuk prestasi
  - 14.3.3 Tarikh penganugerahan Ijazah Kedoktoran tidak melebihi lima (5) tahun.

## 15. PENAMATAN

- 15.2 Pihak universiti berhak menamatkan kontrak perkhidmatan jika tidak mencapai petunjuk prestasi yang telah ditetapkan oleh Universiti.
- 15.3 Pihak universiti berhak menarik balik tawaran atau menamatkan perkhidmatan tanpa memberi notis terlebih dahulu, sekiranya maklumat yang diberikan adalah tidak benar dalam mana-mana dokumen yang dikemukakan.
- 15.4 Perletakan jawatan oleh PD hendaklah dilakukan secara bertulis kepada PTJ melalui penyelia dengan pemberian notis satu (1) bulan atau membayar satu bulan **gaji** sebagai ganti notis.
- 15.5 Pihak PTJ hendaklah menghantar maklumat perletakan jawatan atau penamatan kontrak perkhidmatan dengan kadar **SEGERA** kepada IRMI dan BHEA.
- 15.6 Pihak PTJ perlu mengemaskini maklumat tarikh tamat perkhidmatan di dalam sistem STARS bagi memastikan gaji ditamatkan pembayarannya oleh pejabat bendahari.
- 15.7 Perkara berikut perlu diserahkan kepada Ketua PTJ sebelum menamatkan perkhidmatan:
- 15.7.1 Kad Staf dan kad akses yang berkaitan;
  - 15.7.2 Semua maklumat, data dan peralatan yang berkaitan dengan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada penyelia
- 15.8 Bagi lantikan bukan warganegara, surat penyelesaian cukai pendapatan daripada LHDN mesti diperolehi terlebih dahulu bagi maksud pembayaran gaji terakhir. Urusan bayaran tersebut hendaklah diselesaikan dalam tempoh satu bulan sebelum tamat kontrak perkhidmatan bagi mengelakkan sebarang kesulitan semasa meninggalkan Malaysia.

**SENARAI TUGAS DAN PETUNJUK PRESTASI PASCA KEDOKTORAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

<b>BIL.</b>	<b>SKOP KERJA</b>	<b>HASILAN</b>
1.	Menjalankan penyelidikan dalam projek yang telah dikenalpasti	Minima satu (1) projek penyelidikan dalam tempoh lantikan.
2.	Menerbitkan artikel jurnal berindeks bersama penyelia dan/atau staf UiTM sebagai Penulis Utama/ Penulis Bersama	Minima lima (5) penerbitan berindeks (Scopus, WOS, ERA) sebagai penulis pertama/penulis bersama, di mana sekurang-kurangnya SATU (1) Q1/Q2
3.	Menyediakan kertas cadangan penyelidikan untuk mendapatkan geran baharu	Minima satu (1) kertas cadangan penyelidikan untuk tujuan perolehan geran penyelidikan dengan jumlah minima geran RM100K S&T/ RM50K S&S.
4.	Membantu penyeliaan pelajar Pasca Siswazah	Minima satu (1) orang pelajar Kedoktoran atau dua (2) orang pelajar Sarjana.
5.	Membantu dalam pengkomersialan penyelidikan dan perlindungan harta intelek	Ketetapan PTJ.
6.	Membantu mendapatkan jaringan kerjasama penyelidikan dengan pihak luar	Minima satu (1) jaringan kerjasama institusi terkemuka di dalam atau luar negara.
7.	Penganjuran seminar/ konferensi/ bengkel dan sebagainya.	Melaksanakan minima satu (1) program setahun.